



## KENYATAAN MEDIA

### **KEBENARAN AKTIVITI IBADAT DI MASJID DAN SURAU DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19 BERMULA 5 FEBRUARI 2021 HINGGA 18 FEBRUARI 2021 DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN**

Menjunjung titah perintah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sentiasa mengikuti perkembangan peningkatan kes-kes positif Covid-19 di dalam negeri khususnya dan negara amnya, disamping Baginda memahami hasrat dan keperluan umat Islam untuk melaksanakan aktiviti ibadah di masjid dan surau terutama solat Jumaat dan solat fardu secara berjemaah.

Selaras lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 (PKP) bermula 5 Februari 2021 sehingga 18 Februari 2021 di seluruh negara kecuali negeri Sarawak, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu setelah mengambil kira pandangan Jabatan

Kesihatan Negeri Terengganu telah membuat ketetapan aktiviti solat fardu berjemaah di masjid dan surau serta solat Jumaat di Masjid dalam negeri Terengganu **DIBENARKAN** mengikut kapasiti keluasan masjid dan surau dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard seperti berikut:

- i) Pemasangan penghawa dingin **TIDAK DIBENARKAN** sepanjang ibadat solat berjalan.
- ii) Membawa sejadah sendiri.
- iii) Memakai pelitup muka sepanjang ibadat solat dilakukan.
- iv) Jawatankuasa masjid dan surau dikehendaki melakukan sanitasi ruang solat dan kawasan sekitar termasuk tandas dan ruang wuduk 3 kali seminggu.
- v) Jawatankuasa masjid dan surau bertanggungjawab sepenuhnya dalam mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.
- vi) Jawatankuasa masjid atau surau yang gagal mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dan arahan yang ditetapkan, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu

boleh mengambil tindakan dengan menutup masjid atau surau berkenaan.

Manakala aktiviti kuliah harian **TIDAK DIBENARKAN** termasuk aktiviti-aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan yang lain.

Baginda menyeru rakyat jelata mematuhi setiap arahan yang dikeluarkan supaya wabak Covid-19 ini dapat dikawal dengan sebaik mungkin dan Baginda menghargai pengorbanan masa dan tenaga Barisan Hadapan.

Baginda mengharapkan semoga rakyat jelata terus bersabar dan berdoa semoga sentiasa berada dalam kerahmatan dan lindungan oleh Allah Subhanahu Wataala.

**Menjunjung titah,**



**DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA**

**YANG DIPERTUA**

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU**

**8 FEBRUARI 2021M BERSAMAAN 26 JAMADILAKHIR 1442H**